

BULETIN KESELAMATAN DAN KESIHATAN **PEKERJAAN OLEH UKKP UNIMAP**

NOVEMBER 2010

Maklumat Mengenai Larangan Penggunaan Bahan Bagi Tujuan Tertentu.

Maklumat ringkas ini bertujuan untuk memberi panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada majikan, pekerja, pelajar dan penyelidik berkenaan dengan larangan penggunaan beberapa bahan merbahaya untuk tujuan tertentu. Ia juga memberi maklumat ringkas mengenai sebab-sebab larangan itu dikenakan.

Berdasarkan kajian dan maklumat yang ada, maka Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah seksyen 35 (Akta 514), **mengeluarkan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Larangan Penggunaan Bahan) 1999 [P.U.(A)303}**.



www.shutterstock.com · 19446130

Bahan-bahan yang **dilarang** adalah seperti berikut :

- 1) 4-Aminodifenil; Benzidina; 2-Naftilamina; 4-Nitrodifenil.
- 2) Fosforus putih
- 3) Benzena
- 4) Karbon disulfida; Karbon tetraklorida dan n-Heksana
- 5) Krosidolit.

Perintah ini telah mula berkuatkuasa pada 2 Ogos 1999.

1) 4-Aminodifenil; Benzidina; 2-Naftilamina; 4-Nitrodifenil

Garam bahan-bahan ini dan apa-apa bahan yang mengandungi sebatianannya, dalam apa-apa bahan lain pada jumlah kepekatan melebihi 0.1 peratus.

Skop Larangan : Pembuatan dan penggunaan untuk semua tujuan termasuk apa-apa proses pembuatan di mana bahan-bahan yang dihuraikan di atas terbentuk, kecuali bagi tujuan penyelidikan dan analisis.

Sebab – sebab Larangan : 4-Aminodifenil; Benzidina; 2-Naftilamina dan 4-Nitrodifenil telah terbukti boleh menyebabkan barah (barah pundi) pada manusia. Agensi Antarabangsa bagi Penyelidikan Barah (International Agency for Research on Cancer [IARC]) telah mengelaskan bahan-bahan tersebut di atas sebagai karsinogen manusia teraku. Melarang penggunaan bahan-bahan ini semasa bekerja akan membantu menghalang kejadian barah di kalangan mereka yang terdedah kepada bahan-bahan ini.

2) Fosforus Putih

Skop Larangan : Penggunaan dalam pembuatan mancis

Sebab – sebab Larangan : Pendedahan kepada fosforus putih secara pengingesan (penelanan) sama ada sengaja atau tidak sengaja boleh menyebabkan keracunan akut serius. Kejadian ini jarang berlaku semasa pengendalian bahan ini dalam industri. Oleh itu, bahaya utama bahan ini ialah pendedahan kronik. Kesan paling utama yang disebabkan oleh keracunan kronik fosforus ialah "osteomielitis tulang rahang". Dari segi keselamatan industri pula, fosforus boleh menyala secara spontan apabila terdedah kepada udara yang boleh menyebabkan kebakaran atau letupan.

3) Benzena

Skop Larangan : Bagi tujuan pembersihan dan menghilangkan gris.

Sebab – sebab Larangan : Benzena telah terbukti boleh menyebabkan barah (leukimia) kepada manusia. Agensi Antarabangsa bagi Penyelidikan Barah (International Agency for Research on Cancer [IARC]) telah mengelaskan bahan tersebut di atas sebagai karsinogen manusia teraku. Larangan penggunaan bahan ini adalah untuk mencegah kejadian barah di kalangan pekerja yang terdedah kepadanya.

4) Karbon disulfida; Karbon tetraklorida dan n-Heksana

Skop Larangan : Bagi tujuan pembersihan dan menghilangkan gris.

Sebab – sebab Larangan : Karbon disulfida, Karbon tetraklorida dan n-Heksana telah diketahui boleh menyebabkan keracunan sistemik di kalangan pekerja. Karbon disulfida boleh menyebabkan kerosakan kepada sistem saraf pusat dan periferi manakala Karbon tetraklorida pula boleh menyebabkan nekrosis hati dan buah pinggang. Sementara n-Heksana pula boleh merosakkan saraf periferi (polineuritis). Di samping itu terdapat bahan lain yang kurang berbahaya yang boleh digunakan sebagai bahan gantian untuk tujuan pembersihan dan menghilangkan gris.

5) Krosidolit

Skop Larangan : Semua tujuan melainkan tujuan penyelidikan atau analisis.

Sebab – sebab Larangan : Krosidolit adalah sejenis asbestos yang telah terbukti boleh menyebabkan barah paru-paru dan mesotelioma pada manusia. Mesotelioma merupakan sejenis barah yang cepat membawa maut yang jarang berlaku. Barah ini bermula dari lapisan permukaan dada atau rongga abdomen. Kebanyakan barah jenis ini terdapat pada mereka yang terdedah kepada krosidolit semata-mata atau secara bergabung dengan jenis asbestos lain. Agensi Antarabangsa bagi Penyelidikan Barah (International Agency for Research on Cancer [IARC] telah mengelaskan bahan tersebut di atas sebagai karsinogen manusia teraku.



Disediakan oleh :

ISHAK BIN JAINOO

November 2010

Rujukan : (Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Dan Peraturan-Peraturan – JKPP GP(BM&BI) 1/2000)